

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**

3. **SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 1 (A111)**

Apakah usaha dan sumbangan negeri Johor dari segi Agenda Keterjaminan Makanan Negara ?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 2 (A201)**

Apakah pencapaian pertanian negeri pada tahun ini di dalam menyumbang kepada dasar keterjaminan makanan dan apakah rancangan kerajaan bagi terus mempertingkatkan hasil pertanian di negeri?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 3 (A144)**

Apakah perkembangan terkini tentang perancangan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) DUN Sungai Balang, yang dikenali sebagai Residensi Bangsa Johor @ Seri Menanti dan bilakah jangkaan masa projek perumahan tersebut dapat dimulakan?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 4 (A186)**

Apakah penerapan bersama antara Kementerian Perpaduan Negara bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi penerapan nilai murni dan akhlak buat anak-anak Tabika Perpaduan khususnya berkaitan kaum dan bangsa?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 5 (A171)

Terdapat peningkatan peruntukan yang dikhususkan untuk skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada RM2.4 juta kepada RM 2.9 juta baru-baru ini. Apakah kategori bantuan JKM yang terlibat dengan pertambahan peruntukan tersebut.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 6 (A124)

Berapa jumlah hasil kutipan dari Masjid-Masjid dan Surau-Surau seluruh Johor?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 7 (A16)

Apakah rancangan kerajaan Johor dalam mempergiatkan penglibatan rakyat Johor dalam E-sports ?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 8 (A22)

Projek Pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dari Senai Utara ke Sedenak telah bermula dan Fasa 1 dijadualkan siap pada Jun 2027. Sila nyatakan langkah-langkah yang akan atau telah diambil untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas sepanjang tempoh pelaksanaan kerja.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 9 (A93)

Apakah tindakan dan usaha yang diambil kerajaan dalam menambah kemudahan akses internet, celik teknologi serta menjayakan pembelajaran digital di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 10 (A64)

Keadaan jeti nelayan yang uzur, kekurangan keperluan asas lengkap dan keadaan struktur yang bahaya. Mohon agar diberikan peruntukan khas berkala bagi pembangunan jeti-jeti nelayan sediaada bagi merangsang peningkatan pendapatan nelayan serta keterjaminan hasil makanan negara khasnya untuk rakyat negeri Johor.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 11 (A58)

Kerajaan negeri telah mensasarkan sebanyak 30,000 unit rumah mampu milik sehingga 2026, berapakah unit rumah mampu milik telah disasarkan bagi daerah Muar dan apakah pencapaiannya setakat ini?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 12 (A200)

Selain PAWE, apakah langkah dan rancangan negeri di dalam membantu warga emas agar kekal aktif dan mampu menyumbang sesuatu kepada komuniti sesuai dengan usianya?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 13 (A36)

Berapakah lokasi Wifi Johor yang ada dalam DUN Tiram. Mohon disenaraikan lokasi-lokasi tersebut dan apakah perancangan kerajaan negeri dalam menambah lagi lokasi Wifi Johor dan meningkatkan lagi kelajuan bandwidth di dalam DUN Tiram dan seluruh negeri?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 14 (A75)

Bagaimana kerajaan negeri dapat membantu membangunkan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di kawasan Parit Yaani dan Tongkang Pechah?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 15 (A126)

Apakah usaha kerajaan untuk membantu pembinaan pusat-pusat data iaitu "Data Centre" yang menghadapi kekurangan sumber air?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 16 (A99)

Merujuk kes anjing liar 'kopi' yang berlaku baru-baru ini di Terengganu, nyatakan usaha Kerajaan Negeri Johor terhadap " Trap-Neuter-Return" dan rancangan melaksanakan di semua PBT Negeri Johor seperti yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 17 (A48)

Apakah status terkini serta tindakan yang di ambil untuk membaik pulih hakisan pantai di sepanjang persisiran pantai Kampung Rimba Terjun yang sudah menghampiri kawasan perumahan penduduk kampung?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 18 (A119)

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang mewujudkan Hub STEM di Johor.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 19 (A4)

Setakat Oktober 2024, berapakah sekolah telah melaksanakan pembelajaran berkaitan 'coding' di dalam DUN Jementah?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 20 (A102)

Bagaimanakah kerajaan negeri mengurus dan menangani konflik hidupan liar seperti serangan gajah dan kemunculan harimau di negeri Johor?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 21 (A3)

Diminta bilangan lampu solar yang diluluskan dalam kawasan Daerah Segamat? Dan berapakah peratus selesai dipasang setakat 31/10/2024?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 22 (A56)

Adakah teknologi garisan jalan bercahaya dalam gelap atau glow in the dark memberi kesan positif dengan pengurangan kadar kemalangan di jalan-jalan yang telah dinaik taraf?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 23 (A105)

Kebelakangan ini isu monyet bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar akan tetapi kacau ganggu hiwan ini juga berlaku di kawasan bandar. Apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah kacau ganggu ini terutamanya di kawasan Mersing Kanan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 24 (A161)

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam membasmi masalah tumbangnya pokok yang berisiko dan berusia pada waktu ribut hujan supaya tidak mengakibatkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 25 (A149)

Adakah kerajaan negeri Johor mempunyai perancangan bagi menjadikan daerah Batu Pahat sebagai daerah berbudaya terutama di kawasan DUN Sri Medan?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 26 (A63)

Di FELDA ada GPW, di kampung ada KUNITA, FELCRA ada WADIRA. Mohon perkongsian, apakah pelan rancangan pembangunan dari aspek kerjaya,

usahawan, pembangunan sahsiah, kemajuan sendiri yang telah dan akan dilaksanakan bagi memberi keserataan serta kebersamaan dalam strategi membina kemampuan persatuan wanita.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 27 (A1)

Berapakah klinik kesihatan kelas 2 dan kelas 3 dalam DUN Jementah?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 28 (A30)

Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik-taraf pelebaran jalan raya di Jalan Joned dan Jalan Sri Tanjung disebabkan kesesakan lalu-lintas kerana pertambahan pengguna jalan raya dan pertambahan taman-taman perumahan sekitar jalan-jalan tersebut.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 29 (A76)

Dibawah Program Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) JKR Johor, bagaimana kerajaan negeri dapat merealisasikan Projek Menaiktaraf Jalan Tongkang Pechah ke Bukit Pasir (J13) daripada 2 lorong kepada 4 lorong dalam masa lima(5) tahun ini?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 30 (A142)

Adakah kerajaan bercadang untuk membina jalan raya Barat-Timur di kawasan utara Johor yang menghubungkan terus Daerah Muar dengan Daerah Mersing tanpa perlu lagi turun ke Daerah Kluang, yang saya percaya akan memberikan impak positif yang besar pada masa akan datang?

4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024.

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 25 November 2024, jam 9:30 pagi.